to show that he was not a Muslim, he had 'taubat' before he died. There is no such evidence before this court.

Therefore on the issues stated at the beginning of this judgment, my findings are, on the evidence:

(i) the deceased had not been properly converted to Islam in 1973;
(ii) the deceased was not a Muslim when he died;
(iii) since he was not a Muslim, the question of his having renounced his religion (Islam) does not arise.

For the reasons given, I allow the application of the plaintiff as prayed in paras (1) and (3) of her application, which are:

(i) a declaration that Lee Siew Kee, deceased, was a Buddhist during his lifetime and at the time of his death on 2 May 1991;
(2) an injunction restraining the first defendant from taking or claiming possession of the remains of the deceased or in anyway whatsoever interfering with the delivery to the plaintiff or her possession of the said remains.

As to the prayer contained in para 2 of her application, the second defendant, who is the Director of the General Hospital, Kuala Lumpur, is an agent of the government, and clearly no injunction can be made against him as it is prohibited by s 29(1)(a) of the Government Proceedings Ordinance 1956. In lieu of the injunction prayed for, I make the order declaring that the deceased was a Buddhist at the time of his death on 2 May 1991, and that his widow, the plaintiff, is entitled to the remains of the deceased.

As regards the claim for damages, Encik Karpal Singh in the course of his submission informed me that although the plaintiff and her family are suffering a traumatic experience, she is only interested in getting the remains of the deceased for burial. I therefore make no order on the prayer for damages.

I order costs to be paid by the defendants to the plaintiff.

Plaintiff's application allowed.

Solicitors: *Karpal Singh & Co; Ariff & Co.*

Reported by *Prof Ahmad Ibrahim*

Liang Jee Keng lwn Yik Kee Restaurant Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLUH) — USUL PEMULA NO 25-9-90
LAMIN H
2 MEI 1991

Acara Sivil — Writ saman — Permohonan untuk writ saman dan pernyataan tuntutan dibatal atau diketepikan

Undang-Undang Pekerjaan — Keselamatan sosial pekerja-pekerja — Adakah keadaan plaintif terkeluar daripada maksud dan tujuan Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969 — Pendaftaran plaintif di bawah Akta itu dibuat selepas berlakunya kemalangan — Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969, s 2(10) Butiran 2 Jadual Pertama peraturan 71

Undang-Undang Pekerjaan — Menggaji budak — Adakah bertentangan dengan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang-Orang Muda 1966 — Akta Kilang dan Jentera 1967, s 2(1)

Defendan menjalankan satu perniagaan restoran dan menggaji plaintif, seorang budak berumur 14 tahun 11 bulan, mulai 15 Februari 1988. Pada 21 Februari 1988, kemalangan berlaku di mana tangan kiri plaintif telah cedera parah kerana termasuk dalam sebuah 'meat grinder' semasa ia menggunakannya. Defendan telah menghantar borang-borang yang berkenaan kepada Pengurus Tempatan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk didaftarkan sebagai majikan pada 7 Julai 1980. Sementara plaintif, mengikut rekod PERKESO, telah didaftarkan sebagai pekerja defendan pada 23 Februari 1988.

Pihak plaintif membuat tuntutan sivilnya dalam kes Guaman Mahkamah Tinggi Temerluh 22-45-89 dan memohon satu deklarasi bahawa pendaftaran plaintif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969 ('Akta itu') dibuat selepas berlakunya kemalangan yang berkenaan adalah satu perbuatan berupa fraud, terbatal dan tidak sah (kandungan 6). Manakala defendan pula memohon satu perintah semoga writ saman dan pernyataan tuntutan kes sivil di atas dibatal atau diketepikan (kandungan 2).

Diputuskan, meluluskan permohonan defendan (kandungan 2) dan menolak permohonan plaintif (kandungan 6):

(1) Plaintif berhujah bahawa defendan menggaji plaintif di dalam sebuah 'factory' di mana ia sebagai pekerja terpaksa menggunakan alat-alat yang dipanggil 'machinery' bertentangan dengan Akta Kilang dan Jentera 1967 ('Akta 139'). Jelas bahawa mengikut takrif 'factory' dalam Akta 139, restoran bukanlah satu 'factory' tetapi satu 'industry' seperti diberi makna dalam s 2(10) Akta itu. 'Meat grinder' itu mungkin adalah satu 'machinery' tetapi ianya adalah bagi kegunaan yang 'private' dan 'domestic' bagi restoran itu.

(2) Soal yang lebih penting ialah sama ada keadaan plaintif itu termasuk atau terkeluar dari maksud dan tujuan peruntukan Akta itu. Pengurus PERKESO telah mengesahkan bahawa pendaftaran plaintif di bawah Akta itu tidak melanggar apa-apa peruntukan Akta itu. Defendan telah mematuhi kehendak-kehendak peraturan 71 berkenaan dengan pelaporan kemalangan dan telah membayar caruman sejak 1980, iaitu sejak restoran itu didaftar sebagai majikan. Defendan belum pernah dituduh tidak menjelaskan pembayaran carumannya.

(3) Di bawah Akta itu, tidak ada peruntukan yang menghalang sesiapa tidak kira berapa umurnya untuk menjadi

seorang yang berinsuran atau 'insured person'. Di samping itu, Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang-Orang Muda 1966 tidak juga menghalang kanak-kanak atau orang-orang muda mengikat perjanjian dalam satu kontrak perkhidmatan kerana mereka itu adalah kompeten untuk berbuat demikian (s 13). Tetapi kanak-kanak dan orang-orang muda seperti plaintif menjadi pekerja dalam tempuh masa bagi kes ini, adalah seorang pekerja bagi sepenuh masa dengan gaji sebanyak $120 sebulan dan bukan seorang yang digaji secara 'casual nature' sebagaimana yang dihadkan oleh butiran 2, Jadual Pertama Akta itu. Walaupun Akta itu tidak memberi definasi kepada perkataan 'casual nature', mahkamah berpendapat bahawa apa yang dimaksudkan ialah seorang yang digaji dengan tidak mengerjakan sesuatu kerja itu untuk keseluruhan masa yang tertentu. Oleh itu, plaintif adalah seorang pekerja yang berinsuran dan majikannya (defendan) ada membuat caruman sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta itu.

[English summary

The defendant carried on a restaurant business and employed the plaintiff, an infant aged 14 years and 11 months with effect from 15 February 1988. On 21 February 1988, an accident occurred wherein the plaintiff's left hand was grievously hurt because it went through a meat grinder while he was using it. The defendant has sent the relevant forms to the manager of the Local Social Security Association (PERKESO) for registration as employer on 7 July 1980 whilst the plaintiff, according to the records of PERKESO, was registered as employee of the defendant on 23 February 1988.

The plaintiff filed a civil suit in the High Court, Temerluh No 22-45-89 and applied for a declaration that the registration of the plaintiff under the Employees' Social Security Act 1969 ('the Act') which was made after the accident occurred is a fraudulent act, void and illegal (encl 6). On the other hand, the defendant applied for an order to set aside the writ of summons and statement of claim of the civil suit above (encl 2).

Held, allowing the defendant's application (encl 2) and dismissing the plaintiff's application (encl 6):

(1) The plaintiff argued that the defendant employed the plaintiff in a factory wherein he, as an employee, had to use tools known as 'machinery' against the Factories and Machinery Act 1967 ('Act 139'). It is clear that according to the definition of 'factory' in Act 139, the restaurant is not a factory but an industry within the meaning in s 2(10) of the Act. 'Meat grinder' may be a machinery but it is for a private or domestic use for the said restaurant.

(2) The more important question is whether the position of the plaintiff falls within or out of the meaning and purpose of the provisions of the Act. The manager of PERKESO has confirmed that the registration of the plaintiff under the Act did not violate any provisions of the Act. The defendant had complied with the requirements of r 71 regarding the reporting of the accident and had paid contributions since 1980, that is, from the time the restaurant was registered as employer. The defendant had never been accused of non-payment of its contributions.

(3) Under the Act, there is no provision which prohibits anyone, no matter what his age is, to become an insured person. Besides the Children and Young Persons (Employment) Act 1966 did not prohibit children or young persons from entering a contract of service because they are competent to do so (s 13). However, children and young persons, like the plaintiff in this case who earned a salary of $120 per month, are workers on a full time basis and not employed in a casual nature as restricted by item 2, First Schedule of the Act. Although the Act did not give any definition of the words 'casual nature', the court opined that what is meant is someone who is employed not to undertake a certain job for the whole of a specified time. Therefore, the plaintiff is an insured worker and his employer (defendant) had made contributions as required by the Act.]

[*Nota Penyunting:* Plaintif telah merayu kepada Mahkamah Agung menerusi Rayuan Sivil No 02-17-91.]

Undang-undang rujukan

Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969 s 2(10), butiran 2 Jadual Pertama peraturan 71

Akta Kilang dan Jentera 1967 s 2(1)

Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang-Orang Muda 1966 s 13

Raghbir Singh Gill bagi pihak plaintif.
Karam Singh Bhal bagi pihak defendan.

Cur Adv Vult

Lamin H: Dua usul pemula telah dibicara dan diperhujahkan di hadapan saya, pertama seperti di kandungan 2 iaitu permohonan dari pihak defendan memohon suatu perintah dari mahkamah ini semuga writ saman bertarikh 13 April 1989 dan pernyataan tuntutan bertarikh 29 Mac 1989 dibatalkan atau diketepikan dan kedua seperti di kandungan 6 iaitu permohonan dari pihak plaintif memohon satu deklarasi bahawa pendaftaran plaintif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja 1969 dibuat selepas berlakunya kemalangan yang berkenaan adalah satu perbuatan yang berupa fraud, terbatal dan tidak sah.

Sebelum keterangan dikemukakan oleh pihak plaintif, telah dipersetujui oleh kedua belah pihak bahawa kemalangan yang terlibat dalam kes ini telah berlaku pada 21 Februari 1988. Kecederaan yang dialami seperti yang dinyatakan dalam eks 2 pada kandungan 2 juga dipersutujui. Juga dipersetujui bahawa laporan kemalangan kepada Pengurus, Pejabat Tempatan Pertubuhan Keselamatan Sosial ('PERKESO') telah dibuat pada 23 Februari 1988. SP1, iaitu Pengurus Tempatan PERKESO, menyatakan bahawa Yik Kee Restoran Sdn Bhd ('defendan') telah menghantar borang-borang yang berkenaan kepada PERKESO untuk didaftarkan sebagai majikan pada 7 Julai 1980. Sementara Liang Jee Keng ('plaintif'), mengikut rekod PERKESO, telah didaftarkan sebagai pekerja defendan pada 23 Februari 1988. Sebagaimana SP1 telah diberitahu oleh plaintif, plaintif telah mula berkhidmat dengan defendan pada 15 Februari 1988. Pada masa kemalangan itu berlaku plaintif berumur 14 tahun 11 bulan.

Pihak plaintif telah dengan sedaya upayanya cuba menegakkan hujah bahawa keadaan plaintif adalah terkeluar daripada maksud dan tujuan Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja 1969 dan dengan pendirian

itu pihak plaintif boleh meneruskan tuntutan sivilnya dalam kes guaman Mahkamah Tinggi Temerluh 22-45-89. Di samping itu pihak plaintif telah mengemukakan pendapatnya bahawa adanya umur plaintif semasa kemalangan itu berlaku baru 14 tahun 11 bulan maka menggaji plaintif di dalam sebuah 'factory' di mana ia sebagai pekerja terpaksa menggunakan alat-alat yang dipanggil 'machinery' adalah bertentangan dengan Akta Kilang dan Jentera 1967 (Factories and Machinery Act 1967) dan Akta (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang-Orang Muda 1966 (Children and Young Persons (Employment) Act 1966.

Defendan menjalankan satu perniagaan restoran. Saya rasa cuma orang yang kurang sihat sahaja mungkin boleh bersetuju bahawa 'restoran' adalah 'factory'. Tidak perlu saya perturunkan disini apa dia 'factory' seperti yang ditakrifkan di s 2(1) pada Akta Kilang dan Jentera 1967. Jelas bahawa mengikut takrif itu 'restoran' bukanlah satu 'factory'. Menjalankan perniagaan restoran iaitu menjual barang makanan dan minuman yang mana lazimnya dihidangkan untuk sarapan di premis restoran itu, adalah satu 'industry' seperti yang diberi makna dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja 1969 di mana s 2(10) memperuntukkan:

> 'industry' means any business, trade, undertaking, manufacture or calling of employers, and includes any calling, service, employment, handicraft or industrial occupation or avocation of employees;

Tangan kiri plaintif telah cedera parah kerana termasuk dalam sebuah 'meat grinder' semasa ia menggunakannya dan 'meat grinder' itulah yang dikatakan oleh plaintif 'machinery'. Mengikut SP1 'meat grinder' itu besarnya 2 kaki × 2 kaki dan boleh dialih-alih. Izinkan saya memetik sebahagian dari takrif yang diberikan oleh Akta Kilang dan Jentera 1967 seperti berikut:

> 'machinery' includes steam boilers, unfired pressure vessels, prime movers, gas cylinders, gas holders, hoisting machines and tackle, transmission machinery, driven machinery, and any equipment for the casting, welding or electro-deposition of metals and for the spraying by means of compressed gas or air of metals or other materials, but does not include —
>
> ...
>
> (c) any machinery used solely for private and domestic purposes; or ...

SP1 telah menyatakan bahawa grinder itu adalah 'machinery' dengan seolah-olah cuba berusaha menyokong kes plaintif. Itu bukan tugasnya dan ia bukan seorang pakar jentera. Bagi maksud permohonan ini, memadai bagi saya mendapat gambaran terhadap bentuk dan gunanya dan dengan itu dikaji takrif yang peruntukan dalam Akta yang berkenaan. Bagi saya 'grinder' itu mungkin adalah satu 'machinery' tetapi ianya adalah bagi kegunaan yang 'private' dan 'domestic' bagi restoran itu. 'Grinder' ialah suatu alat pengisar atau penghancur dan oleh itu 'meat grinder' gunanya ialah untuk menghancurkan daging atau untuk memproses daging bagi menyediakannya untuk dimasak supaya dijadikan suatu jenis makanan. Dalam lain perkataan 'grinder' itu adalah suatu alat digunakan untuk membuat persiapan di peringkat awal proses masak-masakan. Untuk menyatakan semuanya itu tidak perlu mendapatkan keterangan dari seorang pakar kerana suatu 'grinder' itu sudah menjadi alat biasa yang digunakan di dapur. Bezanya ialah ianya samada berbentuk besar atau kecil. Jadi untuk membuat persiapan itu ialah suatu perbuatan yang 'private' atau 'persendirian'. Perkataan 'domestic' juga boleh diberi makna 'private'. Pada fahaman saya sebarang perbuatan untuk *tujuan* membuat *persiapan* adalah suatu perbuatan semata-mata bagi tujuan 'private' dan 'domestic'. Apabila masakan sudah siap sedia untuk dijual kepada khalayak ramai, mungkin ada yang berkata bahawa perbuatan menjual itu boleh juga diperhujahkan bahawa ianya tidak lagi suatu perbuatan yang 'private' dan 'domestic'. Sekiranya begitu, ianya tidak menimbulkan masalah lagi. Walaubagaimanapun saya ingin memberi pandangan seterusnya iaitu apabila seseorang atau satu badan sendirian melakukan perbuatan jualan sesuatu kepada khalayak ramai seperti restoran defendan, soalnya apakah tujuan sipenjual. Sudah tentu bukan untuk faedah sipembeli. Apa yang difikirkan oleh sipenjual ialah untuk faedahnya sendiri iaitu untuk mencari nafkah dan saraan hidupnya sendiri daripada keuntungan yang diperolehinya. Sebab itulah 'perniagaan' adalah suatu jenis urusan yang termasuk dalam bidang 'persendirian' atau 'private sector'. Jadi dari awal hingga akhir, yaani tujuan bagi pengunaan alat 'meat grinder' itu ialah semata-mata untuk tujuan 'private' dan 'domestic'.

Tetapi soal yang lebih penting untuk dipertikaikan ialah samada keadaan plaintif itu termasuk atau terkeluar dari maksud dan tujuan peruntukan-peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969 itu. Pada tarikh kemalangan itu berlaku iaitu 21 Februari 1988, plaintif telah berumur 14 tahun 11 bulan. Plaintif telah didaftar sebagai pekerja defendan pada 23 Februari 1988. Laporan kemalangan itu telah diterima oleh Pejabat Pengurus PERKESO juga pada 23 Februari 1988. SP1 telah mengesahkan bahawa pendaftaran plaintif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969 itu tidak melanggar apa-apa peruntukan Akta tersebut. SP1 juga mengesahkan bahawa defendan tidak melanggar apa-apa peruntukan Akta itu berkenaan dengan pelaporan kemalangan itu malah telah mematuhi kehendak-kehendak peraturan 71. Mengikut SP1, defendan telah membayar caruman di bawah Akta tersebut sejak 1980 iaitu sejak restoran itu didaftarkan sebagai majikan. Dalam hal ini SP1 juga mengesahkan bahawa defendan belum pernah dituduh kerana tidak menjelaskan pembayaran carumannya dan tidak ada lapuran diterima oleh pejabatnya berkenaan defendan tidak membaya caruman. Juga defendan ('SD1') mengesahkan yang ia ada

buat bayaran caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja 1969. Di bawah Akta tersebut tidak ada peruntukan yang menghalang sesiapapun tidak kira berapa umurnya untuk menjadi seorang yang berinsuran atau 'insured person'. Di samping itu Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang-Orang Muda 1966 tidak juga menghalang kanak-kanak atau orang-orang muda mengikat perjanjian dalam satu kontrak perkhidmatan kerana mereka itu adalah kompeten untuk berbuat demikian (s 13). Tetapi kanak-kanak dan orang-orang muda seperti plaintif menjadi pekerja dalam tempuh masa bagi kes ini, adalah seorang pekerja bagi sepenuh masa dengan gaji sebanyak $120 sebulan dan bukan seorang yang digaji secara 'casual nature' sebagaimana yang dihadkan oleh Butiran 2, Jadual Pertama, Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969. Akta tersebut tidak memberi definasi kepada perkataan 'casual nature'. Namun demikian, pada pendapat saya apa yang dimaksudkan ialah seorang yang digaji dengan tidak mengerjakan sesuatu kerja itu untuk keseluruhan masa yang tertentu. Dalam lain perkataan, sekiranya ada tugas dalam sesuatu jenis pekerjaan maka orang yang digaji itu akan menjalankan tugas itu dan apabila tugas itu tidak ada lagi bagi sementara waktu maka siperkerja yang berkenaan akan diberhentikan. Oleh itu bagi saya tidak ada was-was lagi bahawa plaintif adalah seorang pekerja yang berinsuran dan majikannya (defendan) ada membuat caruman sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, maka saya luluskan permohonan di kandungan 2 dan tolak permohonan di kandungan 6.

Perintah berikutan.

Peguamcara: *Raghbir Singh Gill & Co; KS Bhal & Co.*

Dilaporkan oleh *Neoh Lay Choo*

United Malayan Banking Corp v Syarikat Perumahan Luas Sdn Bhd

HIGH COURT (PENANG) — ORIGINATING SUMMONS NO 24(31)-835-1986
EDGAR JOSEPH JR J
11 DECEMBER 1990

Legal Profession — Costs — Gross sum bills of costs delivered — Clients asking for costs to be taxed — Whether gross sum bills may be withdrawn — Whether solicitors may deliver bills for larger sums for taxation — Assent by clients to taxation — Whether given under undue influence exerted by taxing solicitors — Whether interest allowed on disbursements incurred by solicitor — Civil Law Act 1956, s 11 — Legal Profession Act 1976, ss 121, 132 & 133 — Rules of the High Court 1980, O 59 rr 34, 35 & 36

In this case, taxing solicitors had applied for a review by the court of the taxation of their bill of costs as between themselves and their clients which had been undertaken by the senior assistant registrar of the court. The senior assistant registrar had allowed the sum of $65,658.45 but following review she allowed the sum of $40,454.15 inclusive of allocatur fees.

The clients were the chargees under a charge registered under the National Land Code 1965 and had engaged taxing solicitors to resist an application by the chargors for an order to set aside an order enforcing the charge by way of sale previously made. The chargors were granted the declaration sought as well as the order for the setting aside of the order for sale.

Before the hearing of the application to set aside the order for sale, the taxing solicitors had informed their clients by letter that their fees would be substantial in view of the complexity of the matter but no fee was agreed upon. The taxing solicitors submitted two gross sum bills of costs, one for the High Court proceedings for the sum of $40,000 and another for the Supreme Court proceedings for the sum of $50,000. The clients replied by letter that the bills were on the high side and asked the taxing solicitors to have the bills taxed in the High Court on their behalf. The taxing solicitors replied by letter agreeing to the request for taxation, saying that the gross sum bills were withdrawn and that they would be maximizing strictly in accordance with the law their fees and costs. They cautioned the clients to seek independent legal advice once the bill of costs was served on them. They asked for confirmation that the bills of costs were to be taxed and that by mutual consent no reliance was to be placed on the gross sum bills which were to be withdrawn. The clients retained another firm of solicitors and later replied by letter, with a copy to their new solicitors, giving the confirmation sought and asking for the 'final bill on the civil proceedings' and for 'fresh bills'.

It was argued that although at first glance it would appear from contemporary correspondence in the case that the clients had assented to the taxing solicitors withdrawing the gross sum bills of costs and filing a fresh bill of costs for taxation, on a proper construction thereof, and having regard to the circumstances of the case, the clients' assent was not a true assent since it was given as a result of advice given by taxing solicitors which was not independent advice and that the assent given was vitiated by undue influence exerted by taxing solicitors. Counsel for the clients took a preliminary objection, saying that it was not open to the taxing solicitors to make a claim for interest on the amount allowed for taxation as the taxing solicitors had not taken the point in a cross objection notice addressed to the senior assistant registrar.